

(Nota penting: Alkitab tidak mengajar ajaran-ajaran salah yang berikut tentang beberapa peribadi-peribadi yang tersebut di dalam Alkitab)

Orang-orang Muslim mengatakan bahawa Firdaus yang asal terletak di syurga. Menurut tradisi orang-orang Arab, semasa Adam dan Hawa dibuang dari Firdaus, mereka jatuh ke tempat-tempat yang

lain di bumi; Adam di pulau Sri Lanka, dan Hawa di Arab, dekat tempat yang kemudiannya menjadi kuala Jeddah. Adam dan Hawa dipisahkan selama 200 tahun. Akhirnya Allah membenarkan bertemu lagi di Arafat, dekat kota Mekah yang sebelumnya digelar “Bekka atau Bakkah” bererti “lembah sempit”.

Menurut orang-orang Muslim, Adam dikatakan membina bangunan segi empat di Mekah yang digelar Kaabah sebagai tempat ibadat. Kaabah yang asal itu dimusnahkan semasa air bah

pada zaman Nuh. Adam dikatakan meninggal dan dikebumikan di Mekah. Hawa dikatakan dikebumikan di tempat yang masih digelar Jiddah (Jeddah), perkataan yang membawa erti moyang perempuan di dalam bahasa Arab.

Orang-orang Islam percaya bahawa Hagar dan Ismail pergi ke lembah Bekka di Arab Saudi apabila mereka terpaksa meninggalkan rumahtangga Abraham. Di sanalah Hagar menjumpai mata air yang

digelar “Zamzam” dengan bantuan malaikat semasa dia merayau-rayau di antara dua bukit kecil di lembah Bekka yang digelar Safa dan Marwa.

Orang-orang yang menunaikan umrah di Mekah mengikut jejak langkah Hagar tujuh kali di antara Safa dan Marwa di Masjid Al Haram. Abraham akhirnya datang melawat anaknya. Kedua-dua mereka dikatakan menerima perintah dari Allah untuk membina semula Kaabah.

Kemudiannya malaikat Gabriel dikatakan menunjukkan mereka tempat di mana

mereka harus membina, di tapak asal bangunan itu. Bahkan orang-orang Islam mengatakan bahawa kesan tapak kaki Abraham ada di tempat suci dekat dengan Kaabah. Kemudiannya malaikat Gabriel membawa “batu hitam” yang terkenal itu untuk dimasukkan di dalam bangunan tersebut. Ada yang membuat spekulasi bahawa batu ini merupakan meteorit ataupun batu nilam putih dari Taman Eden. Ia dikatakan menjadi gelap oleh kerana dosa-dosa orang-orang yang datang menunaikan umrah.

Abraham disuruh Allah untuk mengorbankan anaknya Ismail (menurut Islam, bukan Ishak) di tempat di antara tapak Kaabah dan Gunung Arafat yang telah disebut sebelum ini. Abraham dikatakan telah melempari Iblis dengan batu apabila dia dicubai untuk tidak mentaati Allah. Orang-orang Islam masih memperingati cubaan ini dan ketaatan Abraham dengan secara simbolik melempari Iblis dengan batu dan mengorbankan binatang (biasanya kambing biri-biri) di

suatu tempat beberapa kilometer jauhnya dari Kaabah. Ismail dan Hagar dikatakan dikebumikan dekat dengan Kaabah. Kita dapat faham mengapa orang-orang Islam menganggap Mekah sebagai sesuatu yang penting di dalam agama mereka. Selain Muhammad, di dalam kepercayaan Islam, ramai peribadi-peribadi di dalam Alkitab juga dikaitkan kepada kota dan juga daerah ini.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim